

16/01/1999

Pemuda tidak gentar penubuhan parti baru

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno tidak gentar dengan penubuhan parti politik baru, Himpunan Angkatan Keadilan (Hak), sebaliknya menganggap ia memudahkan pergerakan itu mengenal pasti lawannya yang sebenar.

Pemangku Ketua Pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata sebelum ini, pergerakan itu sukar mengenal pasti golongan berkenaan yang sentiasa berselindung di sebalik pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita tidak takut dengan penubuhan Hak. Malah, ia satu langkah baik kerana sekarang kita boleh berdepan dengan mereka secara terbuka," katanya dalam sidang akhbar sempena pelancaran Program Sumbangsih Jiran Setia di ibu pejabat pergerakan itu di sini, hari ini.

Antara yang mempelopori penubuhan Hak ialah bekas pembantu khas bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Parti itu dilaporkan sedang menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan.

Hishammuddin berkata, beliau belum berbincang dengan Exco pergerakan itu mengenai penubuhan Hak kerana ia satu perkembangan terbaru.

Bagaimanapun, katanya, secara prinsipnya dari dulu, beliau dan Exco berpendirian mereka yang bertindak membelakangkan parti, tidak akan diterima lagi.

"Dalam keadaan senang mereka menikmati kemudahan parti Umno dan saya berharap sangat dalam keadaan susah kita perlu berjuang lebih gigih lagi.

"Mereka patut bersama kita. Mereka patut sedar perjuangan dalam Umno ialah wadah yang membela bangsa. "Kita tidak berkompromi dan akan berdepan dengan mereka habis-habisan," katanya.

Mengenai keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa Barisan Nasional (BN) akan merampas semula Kelantan daripada Pas, Hishammuddin berkata, pergerakan itu sentiasa peka dan prihatin dengan suasana di sana.

Katanya, jika BN bersungguh-sungguh dan bersatu menangani pelbagai isu yang timbul tiada sebab harapan Perdana Menteri itu tidak akan menjadi kenyataan.

"Ini bukan suatu keadaan yang luar biasa bagi BN. Kita biasa juga menghadapi pelbagai isu," katanya.

Bagaimanapun, katanya, keutamaan Pergerakan Pemuda Umno ketika ini ialah untuk membantu rakan-rakan dalam BN yang akan menghadapi pilihan raya di Sabah tidak lama lagi.

(END)